

# DR. M: UMNO BERJUANG UNTUK ISLAM

ALOR SETAR, Khamis — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, perjuangan UMNO adalah untuk kebaikan Islam dan tidak bertentangan sama sekali dengannya.

Bellau berkata, umat Islam harus bersatu kerana masih terdapat banyak kelemahan dalam masyarakat Islam.

"Memandangkan ini, saya telah beberapa kali mengundang PAS menyertai Barisan Nasional semula tetapi malangnya Datuk Aeri menolak tawaran ini

bulat-bulat," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian semasa meraikan lebih dari 800 bekas ahli PAS dari kawasan Kubang Pasu yang mengunjugi beliau dikediamannya "Pondok Maharizan" di Titi Gajah di sini semalam untuk berikrar menyokong Barisan.

"Kami sedar kalau PAS menyertai Barisan, UMNO terpaksa menyerah beberapa kerusi untuk PAS bertanding. Kami sedia berbuat demikian tetapi PAS masih mahu melihat rakyat berpecah-belah," katanya.

Dunia Islam mengiktiraf Kerajaan kita sebagai Kerajaan Islam tetapi malangnya dalam negara kita send-

iri ada golongan yang mengkafirkan kita," tambahnya.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, walaupun UMNO dan PAS berpisah, keduanya tidak harus melakukan sesuatu yang melanggar ajaran Islam.

"Tetapi PAS sanggup menggelar saya dan isteri saya sebagai Yahudi," katanya.

Perdana Menteri berkata, tidak ada salahnya umat Islam bekerjasama dengan bukan Islam sekiranya mereka tidak berperang.

Katanya, Arab Saudi diwakili di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu selama 20 tahun oleh seorang Arab beragama Kristian kerana hanya boleh dipercayai.

## Khidmat udara satu keperluan asas

ALOR SETAR, Khamis. — Beratus-ratus juta ringgit dibelanjakan bagi membaiki lapangan terbang yang sedia ada, di samping membina yang baru di negara ini, kata Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Abu Hassan Haji Omar.

Berucap dalam majlis perasmian bangunan terminal baru lapangan terbang Alor Setar, di sini, hari ini, beliau berkata:

Usaha itu bertujuan mewujudkan satu sistem perkhidmatan udara yang cekap dan licin untuk kemudahan penumpang-penumpang.

Katanya, sistem perkhidmatan udara tidaklah boleh dianggap sebagai satu kemewahan untuk orang-orang berada sahaja.

### Keperluan

"Tetapi ia merupakan satu keperluan asas, terutama sekali bagi penduduk-penduduk luar bandar yang tidak ada pilihan pengangkutan lain," ujarnya lagi.

"Ia adalah alat untuk menyatupadukan rakyat, di negara ini, sama ada di antara satu negeri dengan negeri lain, atau pun di antara penduduk luar bandar dan bandar," tambahnya.

Mengenal lapangan terbang Alor Setar dan perasmian terminal baru itu oleh Sultan Kedah, Timbalan Menteri itu berkata, "keputusan membina terminal baru ini telah dibuat memandangkan perkembangan pesat penerbangan awam dan pengangkutan udara di negeri ini.

Jelasnya lagi, pembinaan terminal baru itu menelan belanja \$2 juta.

Lapangan terbang itu, katanya, juga dilengkapi dengan sebuah balai perkhidmatan kecemasan bernilai \$700,000.

Di samping itu, landasan kapal terbang itu dibesarkan serta dilengkapi dengan lampu untuk membolehkan pendaratan waktu malam.

Selain dari lapangan terbang itu, Datuk Abu Hassan berkata, sebuah lagi lapangan terbang akan dibina di Pulau Langkawi, Kedah.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

No. Siri ..... 2606  
No. Penerimaan ..... 35/85